

# Pertanian cara komersial, estet

U. M. M/S 2 31 7.07

**ALOR STAR 30 Julai** - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, penggabungan tanah milik petani merupakan salah satu program utama dalam pelaksanaan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) bagi menambah nilai sektor pertanian yang akan ditransformasikan.

Menurut Perdana Menteri, langkah penggabungan tanah-tanah pertanian di kawasan yang berpotensi dibuat dengan tujuan supaya penanaman, pemeliharaan dan penuaian tanaman dapat dijalankan menggunakan kaedah moden dan komersial manakala pengurusannya boleh dilakukan secara estet.

"Aspek-aspek pengurusan ini akan diterajui oleh syarikat swasta tanpa mengugut kedudukan hak milik tanah malah para pemilik tanah akan berpeluang memperoleh pendapatan yang lebih tinggi hasil daripada pulangan pertanian yang berskala besar, moden dan mengikut pasaran.

"Pemilik tanah dan petani juga bertanggungjawab mempelajari kaedah baru daripada perkembangan pelaksanaan program ini," katanya ketika melancarkan Rangka Tindakan Koridor Utara di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di sini hari ini.

Abdullah berkata, penggabungan tanah merupakan antara nilai tambah yang dilakukan terhadap sektor pertanian yang menjadi penentu masa depan Koridor Utara bagi mencapai sasaran untuk menutup jurang antara kawasan bandar dan luar bandar.

"Sebanyak 43 peratus penduduk Koridor Utara tinggal di kawasan luar bandar dan dari segi pendapatan serta pendidikan, pencapaian penduduk luar bandar masih rendah berbanding penduduk bandar," katanya.

Bagi menutup jurang tersebut, Perdana Menteri menegaskan, ekonomi luar bandar harus dilonjakkan ke tahap yang moden, mapan dan menguntungkan.

Katanya, sektor pertanian luar bandar harus ditransformasi kepada 'pertanian baru'.

Abdullah berkata, koperasi-koperasi peladang juga akan diberikan peluang terli-



**TEKNOLOGI** tanaman padi menggunakan jentera menarik perhatian Mustafah Ahmad (kiri) dan rakan-rakannya semasa mereka melawat pameran sempena pelancaran Wilayah Ekonomi Koridor Utara di Ibu Pejabat MADA Ampang Jajar, Alor Star, semalam.

bat dalam projek-projek berkenaan agar mereka dapat menyertai usaha sama dalam projek berskala besar.

"Kerajaan berharap pihak koperasi melihat ke hadapan untuk menjalinkan kerjasama itu," katanya.

Menurut Perdana Menteri, nilai tambah lain dalam sektor pertanian yang akan terhasil daripada pelaksanaan Koridor Utara ialah peluang-peluang yang harus dibuka kepada sektor swasta untuk melabur dalam ekonomi luar bandar.

Dengan penglibatan sektor swasta, kata Abdullah, teknik moden dan pengetahuan pasaran dapat disebarkan kepada pendu-

duk desa.

"Pelaburan sektor swasta juga akan memastikan projek-projek dijalankan dalam skala komersial. Bagi membuka peluang-peluang ini, beberapa program khas akan dijalankan," ujarnya.

Perdana Menteri seterusnya berkata, skala pertanian yang besar lagi komersial akan membolehkan pengembangan sektor hiliran pertanian dan pertumbuhan industri kecil dan sederhana (IKS) dalam bidang pertanian.

"Aktiviti mengumpul, memproses dan menjenama produk pertanian akan digalakkan untuk meningkatkan nilai tambah

kepada sektor pertanian," katanya.

Menurutnya, pengurusan sawah padi secara estet akan membolehkan pengembangan industri hiliran padi seperti pembuatan produk makanan, minuman, kosmetik, farmaseutikal manakala bahan buangan serat padi boleh dijadikan produk yang bernilai.

Beliau berkata, pertanian baru dan industri hiliran bukan sahaja menitikberatkan peranan sektor swasta tetapi juga penglibatan penduduk tempatan bagi memastikan mereka turut mendapat manfaat sekali gus menutup jurang pendapatan serta membasmi kemiskinan.